



## MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada calon-calon Warganegara Malaysia dari semua kaum untuk mengisi jawatan bertaraf kontrak berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan. Keutamaan akan diberikan kepada **RAKYAT NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM** untuk mengisi jawatan berikut di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri:-

#### A. JAWATAN KOSONG

<b>1. SKIM PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>JURUAUDIT GRED W41</b>
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEWANGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK
JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM	:	RM 2,094.00 - RM 9,585.00

#### SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (i) (a) warganegara Malaysia; dan  
(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan  
(c)(i) Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah Gred W41 : RM 2,300.73);  
atau**
  - (ii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 : RM 2,819.63);  
atau**
  - (iii) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
**(Gaji Permulaan ialah pada Gred W41 : RM 2,819.63)  
atau**
  - (iv) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 : RM 2,923.41)**
  - (v) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 : RM 3,027.19)**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

<b>2. SKIM PERKHIDMATAN</b>	:	<b>ARKITEK LANDSKAP GRED J41</b>
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK
JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM	:	RM 2,529.00 - RM 9,643.00

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (i) (a) warganegara Malaysia; dan
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM 2,529.00)**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**B. PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN**

- i) Imbuan Tetap Perumahan
- ii) Imbuan Tetap Khidmat Awam
- iii) Bantuan Sara Hidup

**C. CARA MEMOHON**

- i) Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian di laman sesawang Rasmi Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) iaitu <http://jawatan.mbip.gov.my>
- ii) Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan mengikut Perintah Am Bab A Bil.18 di bawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) Tahun 2012. Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 3 tahun terakhir hendaklah dibawa semasa menghadiri temuduga.
- iii) Jika terdapat sebarang permasalahan berkaitan perkara berikut;
  - Perjawatan - Sila hubungi **Puan Noraishah binti Azmi di talian 07-5555122** Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.
  - Teknikal Sistem - Sila hubungi **Encik Ahmad Saufi bin Abd. Rahim di talian 07-5555000 sambungan 5740**, Jabatan Teknologi Maklumat, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.

- D. **TARIKH MULA IKLAN JAWATAN : 19 MEI 2024 (AHAD)**  
**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 28 MEI 2024 (SELASA) – JAM 5.00 PETANG**
- E. Memuatnaik gambar terkini **berukuran pasport (3.5cm x 5.0cm) berlatarbelakang putih**. Gambar yang tidak mengikut syarat akan ditolak.
- F. Hanya permohonan yang ditapis senarai sahaja akan dipanggil temuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan atau yang tidak dihubungi adalah dianggap **tidak berjaya**.
- G. Calon hendaklah menjalani ujian psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Sumber Manusia bagi saringan psikologi.
- H. **Sila bawa sijil asal beserta salinan sijil yang telah disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional semasa menghadiri sesi temuduga.**
- I. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggung jawab pemohon sendiri.



( DATO' HAJI MOHD HAFFIZ BIN HAJI AHMAD )  
Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

DHMHBA/ABM/NBA/rb